



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



IMPLEMENTASI TAKSONOMI BLOOM DALAM DOKUMEN  
STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP)  
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH: SATU ANALISIS

*THE IMPLEMENTATION OF BLOOM'S TAXONOMY IN CURRICULUM AND  
ASSESSMENT STANDARD DOCUMENT (DSKP) OF ISLAMIC EDUCATION IN  
SECONDARY SCHOOL: AN ANALYSIS*

Nor Alniza Azman<sup>1</sup>, Hafizhah Zulkifli<sup>2\*</sup>, Ab. Halim Tamuri<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: p113278@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: abhalim@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 22.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 16.05.2023

Published date: 12.06.2023

**To cite this document:**

Azman, N. A., Zulkifli, H., & Tamuri, A. H. (2023). Implementasi Taksonomi Bloom dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Analisis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 152-168.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.850011

**Abstrak:**

Guru Pendidikan Islam masih lagi belum memahami sepenuhnya komponen yang terdapat dalam DSKP. Ini menunjukkan GPI agak kurang cakna dengan perincian DSKP termasuk pengaplikasian Taksonomi Bloom dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan lebih terperinci mengenai komponen yang terdapat dalam DSKP termasuk domain Taksonomi Bloom yang diaplikasikan dalam DSKP selain menganalisis kesesuaian Taksonomi Bloom yang digunakan dalam DSKP Pendidikan Islam di sekolah menengah. Berdasarkan analisis kandungan dari sumber primer dan sekunder, kajian mendapati terdapat 7 komponen dalam DSKP Pendidikan Islam dan 3 domain utama Taksonomi Bloom iaitu dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang diaplikasikan dalam DSKP melalui standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Dapatan kajian juga menunjukkan Taksonomi Bloom ini sesuai diimplementasikan dalam DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Namun guru perlu kreatif menyesuaikan kaedah pengajaran dan pentaksiran mengikut bidang-bidang dalam Pendidikan Islam. Diharapkan agar artikel ini dapat memberikan gambaran menyeluruh berkaitan DSKP Pendidikan Islam sekolah menengah serta memberikan cetusan idea kepada GPI dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan mengaplikasikan kesemua

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



komponen dalam DSKP. Implikasi kajian ini adalah untuk membantu GPI khususnya guru novis dalam memahami DSKP yang menjadi rujukan utama guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

#### Kata Kunci:

Pengajaran & Pembelajaran, Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP), Pendidikan Islam, Taksonomi Bloom, Kognitif, Afektif, Psikomotor

#### Abstract:

Islamic Education teachers still do not fully understand the components found in Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP). This shows that GPI less emphasize on the details of DSKP including the application of Bloom's Taxonomy from the cognitive, affective and psychomotor aspects. Therefore, this article aims to explain in detail the components found in the DSKP including the domains of Bloom's Taxonomy applied in the DSKP as well as analyse the appropriateness of Bloom's Taxonomy used in the Islamic Education DSKP in secondary schools. Based on content analysis from primary and secondary sources, the study found that there are 7 components in DSKP of Islamic Education besides 3 main domains of Bloom's Taxonomy which are cognitive, affective, and psychomotor that applied in the DSKP through content standards, learning standards and performance standards. The findings of the study also show that Bloom's Taxonomy is suitable for implementation in the DSKP of Middle School Islamic Education. However teachers need to be creative in adapting teaching and assessment methods according to the fields of Islamic Education. It is hoped that this article will be able to provide a comprehensive overview of secondary school Islamic Education DSKP as well as provide ideas to GPI in implementing Islamic Education teaching and learning by applying all components in DSKP. The implication of the study is to help GPI, especially novice teachers in understanding DSKP which is the main reference for teachers in the planning and implementation of teaching and learning.

#### Keywords:

Teaching & Learning, Curriculum And Assessment Standard Document (DSKP), Islamic Education, Bloom's Taxonomy, Cognitive, Affective, Psychomotor, Curriculum And Assessment Standard Document (DSKP), Islamic Education, Secondary School

## Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi acuan utama dalam sistem pendidikan di Malaysia yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Manakala Falsafah Pendidikan Islam (FPI) memperincikan elemen tujuan utama dasar pendidikan negara yang menyentuh pada frasa "... *kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan*". Menurut Noor Hisham (2011) menjelaskan kerangka pemikiran FPI ini mengandungi dasar dan tujuan pendidikan, isi kandungan, metod yang digunakan, sistem penilaian serta perkara yang berhubung kait dengan pelaksanaan pendidikan. Tambahan FPI juga bersumberkan kepada al-Quran dan hadis yang bertunjangkan kepada empat rukun seperti iman yang teguh, akhlak yang mulia, berilmu dan beramal soleh di dunia dan akhirat. Manakala Supyan Hussin (2014) merumuskan FPI merupakan satu proses membina ketamadunan manusia yang seimbang di antara dunia dan akhirat dari lima aspek teras iaitu spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial dengan bersandarkan kepada sumber al-Quran dan hadis.

Hasrat pendidikan kebangsaan yang bertitik tolak dari pembentukan FPK dan FPI ini mempunyai persamaan matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang sekali gus berusaha menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa. Bagi merealisasikan hasrat pendidikan ini, kurikulum Pendidikan Islam telah digubal di peringkat rendah yang bertujuan untuk membangunkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala kurikulum Pendidikan Islam di peringkat menengah merupakan kesinambungan yang berfokus kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Seajar dengan itu, antara kandungan dalam Pendidikan Islam merangkumi ilmu asas berkaitan bidang al-Quran, hadis, akidah, fikah, sirah dan tamadun Islam serta bidang akhlak Islamiyah. Bagi menjayakan transformasi kurikulum kebangsaan pada tahun 2011, DSKP telah dibangunkan hasil semakan semula kurikulum termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan satu dokumen kurikulum lengkap yang mengandungi penerangan kurikulum, lajur standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Dokumen ini bertujuan untuk membantu pihak guru sebagai pelaksana pendidikan kebangsaan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan serta mengukur perkembangan murid secara lebih holistik dan autentik (KPM 2016). Antara komponen yang terdapat dalam DSKP Pendidikan Islam sekolah menengah termasuk matlamat, objektif, kerangka KSSM, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, strategi pengajaran dan pembelajaran, elemen merentas kurikulum, pentaksiran, organisasi kandungan dan penggunaan DSKP. Kesemua komponen ini merupakan transformasi kurikulum dalam usaha menambah baik program pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid seperti yang disasarkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Namun persoalan yang timbul adakah guru-guru sebagai ejen pelaksana kurikulum mampu memahami corak perubahan dalam pedagogi guru dan pentaksiran sekali gus melaksanakannya seperti yang terkandung dalam DSKP.

Berdasarkan kajian lepas, penulis mendapati bahawa kesediaan guru Pendidikan Islam dalam memahami kandungan DSKP masih rendah. Bertitik tolak dari dapatan kajian Noor Hisham (2011) yang mendapati ketidaktepatan GPI dalam memahami konsep dan kurikulum Pendidikan Islam sekali gus menyebabkan kelemahan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berteraskan kepada pencapaian kognitif yang berorientasikan peperiksaan semata. Sedangkan matlamat Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segenap sudut. Namun begitu, walaupun fokus guru kepada penguasaan ilmu dan kemahiran untuk tujuan peperiksaan terutamanya di peringkat menengah, namun kajian Artika Rasul (2019) mendapati GPI masih lagi kurang memahami cara menjalankan pentaksiran mengikut ketetapan DSKP yang sebenar.

Di samping itu juga, kajian Rosnani et.al (2022) mengukuhkan pandangan penulis berkaitan paradigma GPI di sekolah menengah masih bergantung kepada bahan tradisional seperti buku teks dan papan tulis, masih mengamalkan kaedah berpusatkan guru, kurang kompeten dalam pembinaan soalan KBAT serta masih lemah melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS), kurang berkemahiran menjalankan pengajaran PAK 21 bersesuaian dengan isi kandungan serta agak sukar menerima perubahan yang kerap berlaku dalam sistem pendidikan negara. Fenomena ini menggambarkan ketirisan pemahaman tentang kandungan DSKP yang berlaku dalam kalangan GPI yang masih lagi kurang cakna dan belum bersedia sepenuhnya dalam melaksanakan transformasi kurikulum yang disasarkan oleh kementerian. Isu kesediaan berkaitan DSKP ini disokong oleh kajian Mohd Zaidi et al. (2021) yang mendapati GPI di sekolah menengah menghadapi masalah dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan

pembelajaran disebabkan oleh faktor kegagalan GPI merungkai dan merangkai komponen dalam DSKP Pendidikan Islam sehingga menyebabkan kelemahan guru dalam memilih strategi pengajaran yang sesuai. Kajian yang sama juga mendapati GPI masih kurang berkemahiran menghubungkan objektif dan pentaksiran dalam bidang tertentu dalam Pendidikan Islam.

Sehubungan dengan itu, kajian lepas agak kurang dijalankan bagi menelusuri kesediaan guru dalam memahami kandungan DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah dan juga penjelasan berkaitan perincian komponen yang terdapat dalam DSKP seperti yang disarankan dalam kajian Mohd Zaidi et.al (2021) yang mengemukakan cadangan dari pakar pendidikan agar DSKP ini perlu dihuraikan secara terperinci berserta contoh kepada GPI bagi memudahkan kefahaman mereka. Justeru itu, penulisan ini bertujuan untuk memperincikan komponen yang terdapat dalam DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah serta menghuraikan domain Taksonomi Bloom dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang diaplikasikan dalam DSKP seterusnya menganalisis kesesuaian Taksonomi Bloom digunakan dalam DSKP Pendidikan Islam sekolah menengah. Diharapkan artikel ini dapat memberikan gambaran menyeluruh khususnya komponen yang terkandung dalam DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah bagi meningkatkan kefahaman guru sekali gus dapat melaksanakan transformasi kurikulum dengan lebih efisien. Perkara ini amat penting bagi guru dalam membentuk modal insan seperti yang dihasratkan dalam FPI iaitu menjadi khalifah yang dapat menyumbang pada ketamadunan bangsa dan negara.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan yang mengumpul maklumat dan bahan dari pelbagai sumber rujukan penting yang merangkumi data primer dan data sekunder seperti dokumen rasmi iaitu DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah, buku ilmiah, artikel jurnal dan kertas persidangan yang berkaitan dengan skop kajian. Bahan-bahan ini dikumpulkan melalui proses pengumpulan data bermula dengan pencarian maklumat berkaitan sama ada secara bertulis atau pun secara elektronik dan kemudian data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan seterusnya terhasil satu rumusan dapatan yang menjawab kepada objektif kajian. Tujuan analisis kandungan dalam kajian ini digunakan untuk mengenal pasti domain-domain dalam Taksonomi Bloom yang mendasari pembangunan kurikulum serta memperincikan komponen-komponen yang terkandung dalam DSKP serta menganalisis kesesuaian dalam mengimplementasikan Taksonomi Bloom dalam DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Teknik ini digunakan sejajar dengan pandangan Bell dan Bryman (2007) dan Bryman (2008) yang mengatakan antara kelebihan teknik analisis kandungan dokumen adalah membenar pengkaji menganalisis nilai dan mengesan 'apa' yang boleh diperoleh dalam suatu dokumen dan membenar analisis nilai atau corak serta perubahan yang berlaku dalam suatu jangka waktu yang panjang boleh dijalankan. Namun batasan metodologi kajian kepustakaan ini terhad dari hasil sumber maklumat yang dirujuk sahaja berkaitan dengan skop kajian memandangkan kajian ini bergantung kepada bahan yang diperoleh di perpustakaan.

### ***Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam***

Reka bentuk kurikulum menjadi asas dalam penggubalan kurikulum yang merangkumi kerangka kurikulum, organisasi kurikulum, kaedah penyampaian dan pentaksiran (KPM 2016). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibangunkan berasaskan kerangka kurikulum sekolah rendah yang memfokuskan kesepaduan bagi melahirkan insan yang seimbang serta berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Justeru, DSKP merupakan satu dokumen rasmi yang digubal berasaskan kurikulum standard yang membolehkan semua murid

mendapatkan tahap pendidikan yang sama dan berkualiti. Ia juga merupakan satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran yang merangkumi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi (KPM 2016). Tujuan DSKP dibangunkan untuk memberikan panduan kepada pelaksana kurikulum agar dapat melaksanakan pengajaran dan mentaksirkan pencapaian murid secara saksama dan konsisten (Kalai Selvan 2020). Jadual 1 menerangkan perincian standard yang terdapat dalam DSKP.

**Jadual 1: Definisi Penyataan Standard dalam DSKP**

| Standard Kandungan                                                                                                                                                                        | Standard Pembelajaran                                                                                                     | Standard Prestasi                                                                                                                               |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pernyataan yang khusus dan spesifik mengenai perkara yang perlu diketahui dan mampu dilakukan oleh murid dalam sesi persekolahan yang mencakupi aspek pengetahuan, nilai serta kemahiran. | Penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran serta pencapaian yang boleh diukur untuk setiap standard kandungan. | Set kriteria umum yang memaparkan tahap prestasi yang seharusnya dipamerkan oleh murid bagi menunjukkan murid telah menguasai perkara tersebut. |

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Berdasarkan jadual 1 di atas, penetapan kandungan, petunjuk kualiti dan kriteria umum yang menjadi penanda aras bagi guru merujuk dalam menyampaikan kurikulum kepada murid. Namun guru memainkan peranan untuk mengoptimumkan potensi diri dalam melaksanakan kurikulum secara kreatif dan kritis. Guru harus memahami kandungan kurikulum dengan baik selari dengan saranan Kalai Selvan (2020) yang menganjurkan guru perlu kepada kemahiran merungkai dan merangkai kurikulum supaya mereka lebih kreatif dalam pengajaran dan memudahkan murid mencapai standard pembelajaran yang ditentukan. Sehubungan dengan itu, guru harus menguasai struktur mata pelajaran, peruntukan waktu KSSM serta komponen-komponen yang terdapat dalam DSKP Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib di sekolah bagi setiap murid yang beragama Islam. Masa yang diperuntukkan sebanyak 4 jam seminggu bagi menengah rendah dan 3 jam seminggu bagi menengah atas (KPM 2017). Bagi memperincikan komponen-komponen yang terdapat dalam DSKP Pendidikan Islam sekolah menengah, jadual 2 akan memperincikan butiran tersebut.

**Jadual 2: Komponen dalam DSKP Pendidikan Islam Tingkatan 1**

| Komponen DSKP                              | Elemen/Penerangan                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                |
|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>a) Fokus</b>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu</li> <li>• Amali</li> <li>• Amalan</li> </ul>                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghayatan</li> <li>• Pembudayaan</li> </ul>                                                         |
| <b>b) Kemahiran Abad 21 (Profil Murid)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaya tahan</li> <li>• Mahir berkomunikasi</li> <li>• Pemikir</li> <li>• Kerja sepasukan</li> <li>• Bersifat ingin tahu</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berprinsip</li> <li>• Bermaklumat</li> <li>• Penyayang &amp; prihatin</li> <li>• Patriotik</li> </ul> |

|                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                              |
|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| c) <b>Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)</b>  | <b>Tahap penilaian</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaplikasikan</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul> <b>Konsep KBAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berfikir kritis</li> <li>• Berfikir kreatif</li> <li>• Menaakul</li> <li>• Strategi berfikir</li> </ul>                                                                                                                    |                                                                                                                                                                              |
| d) <b>Strategi pengajaran &amp; pembelajaran</b> | <b>Pendekatan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Induktif &amp; deduktif</li> <li>• Berpusatkan guru</li> <li>• Berpusatkan murid</li> <li>• Berpusatkan bahan</li> <li>• Konstruktivisme</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masteri</li> <li>• Akses sendiri</li> <li>• Kajian masa hadapan</li> <li>• Inkuiri penemuan</li> </ul>                              |
|                                                  | <b>Kaedah pengajaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bercerita</li> <li>• Latih tubi</li> <li>• Main peranan</li> <li>• Perbincangan</li> <li>• Permainan</li> <li>• Penyelesaian masalah</li> <li>• Perbincangan</li> </ul> <b>Tenik pengajaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran guru mengelola dan melaksanakan kaedah pengajaran.</li> <li>• Unit-unit kecil yang terkandung dalam satu kaedah.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuiz</li> <li>• Lakonan</li> <li>• Soal jawab</li> <li>• Projek</li> <li>• Sumbang saran</li> <li>• Lawatan</li> </ul>              |
| e) <b>Elemen Merentas Kurikulum</b>              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa</li> <li>• Kelestarian alam sekitar</li> <li>• Nilai murni</li> <li>• Sains &amp; teknologi</li> <li>• Patriotisme</li> <li>• Kreativiti dan inovasi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keusahawanan</li> <li>• Teknologi maklumat &amp; Komunikasi</li> <li>• Kelestarian global</li> <li>• Pendidikan kewangan</li> </ul> |
| f) <b>Pentaksiran</b>                            | <b>Tahap penguasaan:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu</li> <li>• Amali</li> <li>• Amalan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Iltizam</li> <li>• Penghayatan</li> <li>• Pentabiatan</li> </ul>                                                                    |
| g) <b>Organisasi Kandungan</b>                   | <b>Bidang Al-Quran:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan ayat pilihan</li> <li>• Hafazan ayat pilihan</li> <li>• Kefahaman ayat pilihan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Bidang Sirah dan Tamadun Islam</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sirah Nubuawah</li> </ul>                                                                     |


|  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|--|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <b>Bidang Hadis</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan hadis pilihan</li> <li>• Kefahaman hadis pilihan</li> </ul> <b>Bidang akidah:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilahiyat</li> <li>• Nubuwwat</li> <li>• Sam'iyat</li> </ul> <b>Bidang Fikah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibadat</li> <li>• Muamalat</li> <li>• Munakahat</li> <li>• Jinayat</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah tokoh-tokoh Islam</li> <li>• Tamadun Islam</li> </ul> <b>Bidang akhlak</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akhlak dengan Allah</li> <li>• Akhlak sesama manusia</li> <li>• Akhlak dengan alam</li> </ul> |
|--|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Berdasarkan perincian komponen dalam DSKP ini dapat memberikan gambaran keseluruhan yang perlu dicapai dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk panduan umum yang disediakan untuk guru bagi menjadikan DSKP sebagai rujukan utama dalam menyampaikan kandungan seperti perincian bidang-bidang dalam Pendidikan Islam serta strategi pengajaran yang lengkap serta pentaksiran standard yang digariskan untuk semua murid. Oleh itu, peranan guru seharusnya dengan memastikan kesemua komponen dalam DSKP ini diimplementasikan dan disampaikan secara kreatif kepada murid bagi merangsang pemikiran sekali gus melahirkan tingkah laku yang baik hasil dari kerangka kurikulum yang menyeluruh.

### Pemikiran Taksonomi Bloom

Sumbangan pemikiran Benjamin Samuel Bloom yang lebih dikenali dengan Taksonomi Bloom ini amat berpengaruh dalam sistem pendidikan negara sehingga idea pemikiran beliau menjadi rujukan utama termasuk dalam pembangunan kurikulum kebangsaan seperti yang tercatat dalam DSKP Pendidikan Islam. Sejarah kewujudan pemikiran Bloom ini bermula dengan kritikan Benjamin Bloom dalam Persidangan Psikologi Amerika pada tahun 1950-an, yang mencetuskan bahawa teknik hafalan merupakan peringkat terendah dalam tingkatan kemampuan berfikir seterusnya beliau memberi penyelesaian dengan menyusun satu struktur hierarki pemikiran dari peringkat rendah kepada peringkat yang lebih tinggi bagi mengukur kemampuan murid dalam pembelajaran yang dikenali sebagai Taksonomi Bloom 1956 (Madya 2013). Menurut Taksonomi Bloom terdapat tiga domain yang digunakan untuk mengukur hasil pembelajaran murid iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Wayne 2014). Rajah 1 menerangkan klasifikasi domain-domain dalam Taksonomi Bloom.



**Rajah 1: Domain Taksonomi Bloom**

Sumber: Anderson, L. W. and Krathwohl, D. R. (2001)

Berdasarkan rajah 1, terdapat domain kognitif yang terbahagi kepada tiga kotak iaitu mewakili aras dalam taksonomi asal 1956, kemudian taksonomi telah disemak semula oleh Anderson & Krathwohl (2001) yang menambah baik taksonomi asal dengan memfokuskan kepada aplikasi dan menggantikan istilah asal dengan kata kerja yang lebih eksplisit (N. Euis et.al 2022) serta yang terbaharu Taksonomi Digital Bloom yang telah dikembangkan selaras dengan perkembangan pendidikan yang berasaskan teknologi.

### Domain Kognitif

Pelopor asal Taksonomi Bloom ini telah mengetengahkan idea tingkatan kerangka pemikiran yang juga menggambarkan proses berfikir dari aras rendah kepada aras tinggi yang dikenali sebagai domain kognitif yang dicetuskan oleh Bloom & Krathwohl 1956. Namun seiring dengan perubahan zaman, Anderson & Krathwohl (2001) telah membuat semakan semula termasuk meletakkan aras mencipta di hierarki paling tinggi menggantikan aras menilai pada Taksonomi Bloom yang asal. Semakan semula taksonomi ini diperincikan dalam buku *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Antara kategori tahap pemikiran yang terdapat dalam domain kognitif ini termasuk:

- Mengingat*-Satu proses mengingat kembali apa yang telah dipelajari bagi mengemukakan semula konsep, fakta, definisi atau maklumat yang telah dipelajari sebelumnya.
- Memahami*-Satu proses membina makna melalui aktiviti mentafsir, memberi contoh, mengklasifikasikan, meringkaskan, membuat kesimpulan, membanding atau menerangkan hasil dari perolehan maklumat yang pelbagai seperti bahan bertulis dan bentuk grafik.
- Mengaplikasikan*-Satu proses melaksanakan prosedur bagi mengadaptasi perkara yang telah dipelajari dengan menggunakan sesuatu produk seperti membuat pembentangan, simulasi, temu bual dan penerangan model.
- Menganalisis*-Satu proses mencerakinkan konsep kepada bahagian yang lebih khusus serta menjelaskan struktur dan perkaitan di setiap bahagian-bahagian tersebut. Antara proses pemikiran yang terlibat adalah membezakan, mengatur dan menghubungkan sehingga dapat menghasilkan carta, rajah atau perwakilan grafik.

- e) *Menilai*-Satu proses membuat pertimbangan berdasarkan kriteria dan standard piawai melalui penyiasatan dan kritikan. Antara produk yang terhasil dari proses penilaian ini termasuk kritikan, cadangan penyelesaian dan menyediakan laporan.
- f) *Mencipta*- Satu proses menyusun semula elemen menjadi satu struktur baharu melalui penjaan, perancangan atau penghasilan. Mencipta memerlukan pengguna mensintesiskan seterusnya menggabungkan bahagian-bahagian sehingga menghasilkan satu produk baharu dan ia merupakan tugas kognitif yang paling sukar. (Leslie Owen Wilson 2016).

### Domain Afektif

Tujuan utama pembelajaran boleh diukur dengan perubahan tingkah laku seseorang setelah memperoleh ilmu pengetahuan. Ia merupakan salah satu hasrat pendidikan dalam melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek dan akhlak yang baik. Bagi mencapai matlamat ini, Bloom dan Krathwohl telah menyediakan taksonomi bagi mengukur emosi, perasaan dan sikap seseorang melalui domain afektif. Terdapat lima domain yang bermula dari peringkat rendah sebelum mencapai peringkat yang tinggi seperti berikut:

- a) *Menerima Fenomena*-Satu proses kesedaran dan kesediaan menerima sesuatu rangsangan dengan memberikan perhatian terhadap rangsangan tersebut.
- b) *Bertindak balas kepada fenomena*-Satu proses memberikan respons ke atas sesuatu rangsangan secara aktif dengan melibatkan diri sepenuhnya dalam memberikan maklum balas.
- c) *Menilai/Menentukan Sikap*-Satu proses pertimbangan nilai yang berkaitan dengan sesuatu objek, fenomena atau tingkah laku. Proses ini merangkumi penerimaan terhadap perkara mudah kepada perkara yang lebih kompleks. Penilaian ini bergantung kepada penghayatan terhadap rangsangan dan dapat diukur melalui tingkah laku murid.
- d) *Mengorganisasi*-Satu proses menyusun nilai mengikut keutamaan dengan melihat pada perbezaan nilai, menyelesaikan masalah dan mencipta sistem nilai yang unik. Fokus dalam proses ini melibatkan perbandingan, menghubungkan dan mensintesiskan nilai.
- e) *Perwatakan/Keperibadian*-Satu proses penghayatan, kemampuan dan membangunkan peribadi dari suatu sistem nilai yang baik. Perwatakan dapat dilihat melalui sikap yang konsisten.

### Domain Psikomotor

Domain psikomotor adalah domain yang melibatkan perkembangan kemahiran fizikal. Seajar dengan saranan Triwahyudi (2019) yang mengatakan salah satu hasil pembelajaran, murid perlu mampu dan mahir bertindak dengan memanipulasikan kemahiran yang melibatkan otot dan kemahiran fizikal setelah menerima pengalaman belajar tentang sesuatu kemahiran. Antara contoh aktiviti fizikal dalam domain ini termasuk berlari, melompat, melukis, memukul dan sebagainya. Berikut penjelasan mengenai lima aras dalam domain psikomotor seperti:

- a) *Persepsi*- kebolehan menggunakan isyarat deria untuk membimbing aktiviti motor. Ia merangkumi rangsangan melalui pemilihan isyarat kepada terjemahan.
- b) *Set*- kesediaan untuk bertindak. Ia merangkumi kesediaan mental, fizikal dan emosi. Ketiga-tiga kesediaan ini merupakan disposisi yang menentukan respons seseorang dalam situasi yang berbeza.
- c) *Respons berpandu*- peringkat awal dalam pembelajaran sesuatu kemahiran kompleks yang merangkumi peniruan dan cuba jaya. Tahap pencapaian prestasi melalui latihan amali.

- d) *Mekanisme*- ini merupakan peringkat pertengahan dalam mempelajari kemahiran kompleks. Respons yang telah dipelajari menjadi kelaziman dan pergerakan boleh dilakukan dengan yakin dan cekap.
- e) *Respons ketara kompleks*- perlakuan gerak balas motor yang mahir serta melibatkan pola pergerakan kompleks. Kecekapan ditunjukkan dengan perlakuan yang tepat, dan dikoordinasikan dengan baik serta menggunakan tenaga yang minima. Kategori ini merangkumi perlakuan tanpa teragak-agak dan secara automatik.
- f) *Adaptasi*-kemahiran dibentuk kan dengan baik dan individu boleh mengubah suai pola pergerakan supaya sesuai dengan keperluan khusus.
- g) *Lakuan tulen*- mereka cipta pola pergerakan baharu untuk disesuaikan dalam suatu situasi atau masalah tertentu. Hasil pembelajaran menekankan kreativiti berdasarkan kepada kemahiran yang dibentuk dengan baik

Secara rumusannya, Taksonomi Bloom dari aspek kognitif ini menekankan kepada kemahiran berfikir aras rendah yang bermula dari aras pengetahuan dan kefahaman kemudian ke arah kemahiran berfikir aras tinggi yang bermula dari aplikasi sehingga menilai dalam tingkatan tahap berfikir murid. Seterusnya dalam Taksonomi Bloom juga telah menengahkan domain afektif yang menilai kepada emosi dan sikap serta domain psikomotor bagi mengukur pada kemampuan dan kemahiran fizikal murid. Namun pengukuran domain-domain ini dilihat secara terasing iaitu membezakan pencapaian murid dari aspek intelek, sikap dan jasmani.

### **Penerapan Taksonomi Bloom dalam DSKP Pendidikan Islam**

Taksonomi Bloom telah lama digunakan dalam sistem pendidikan sebagai penanda aras dalam menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangsang kepada KBAT murid serta proses penilaian murid yang berfokus kepada pencapaian minimum sebelum mencapai aras yang lebih tinggi seperti pemikiran Bloom. Pandangan ini sejajar dengan (Adams 2015 & Huitt 2011) yang mengatakan tujuan Taksonomi ini diwujudkan bagi memberi klasifikasi dan hierarki aras pencapaian murid yang perlu mencapai aras yang paling asas sebelum menguasai aras yang lebih tinggi. Berdasarkan pandangan ini, adalah menjadi keutamaan guru dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran dengan menetapkan objektif mengikut susunan aras rendah kepada yang tinggi. Begitu juga dengan menjalankan pentaksiran kepada murid, guru harus mengukur pengetahuan dan kefahaman murid terlebih dahulu sebelum menguji mereka dengan aras yang lebih tinggi.

Jika diteliti, Taksonomi Bloom edisi semakan Anderson & Krathwohl 2001 telah menambah baik perincian sub kategori bagi aras utama dalam Taksonomi Bloom iaitu dengan menggunakan pendekatan *prosedur knowledge* untuk memperincikan proses penyampaian isi kandungan pelajaran dengan memasukkan dimensi pengetahuan, dimensi objektif pembelajaran dan proses kognitif. Konsep ini diguna pakai dalam DSKP Pendidikan Islam yang mengaplikasikan prosedur yang sama iaitu bermula dengan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Bahkan kajian Zuhri (2020) & Tri Wahyudi (2019) juga mendapati bahawa subjek Pendidikan Islam sesuai mengimplementasikan Taksonomi Bloom melalui penetapan tujuan pembelajaran murid, penentuan kandungan pelajaran, pemilihan penyampaian kandungan serta menentukan corak penilaian murid bagi melihat pencapaian keseluruhan murid dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Secara spesifiknya, Taksonomi Bloom ini digunakan bagi menentukan domain kognitif yang sesuai untuk mengukur objektif yang ingin dicapai seperti contoh pernyataan standard

pembelajaran dalam DSKP bidang fikah Tingkatan 1 iaitu “*Menghuraikan hubung kait di antara hukum dengan amalan murid berserta hikmah*” yang merujuk pada aras menganalisis. Selepas guru menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, kata kunci bagi aras menganalisis itu akan menentukan kepada pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran guru dengan memilih pendekatan inkuiri penemuan melalui kaedah penyelesaian masalah bagi mendorong murid mengasah kemahiran berfikir aras tinggi mereka. Langkah seterusnya, guru harus mengukur pencapaian kognitif murid dengan membuat pentaksiran yang kreatif dan bersesuaian dengan aras yang hendak diukur iaitu aras analisis. Oleh itu, guru perlu merujuk dalam DSKP pada bahagian pernyataan standard prestasi yang berkaitan iaitu “*Menerangkan hubung kait hukum dengan amalan harian berserta hikmah*” bagi menentukan petunjuk kriteria band pencapaian murid. Pernyataan standard prestasi tersebut menunjukkan murid telah mencapai tahap band 3 mengikut pengukuran standard yang ditetapkan dalam DSKP.

Sejajar dengan tujuan pembelajaran Pendidikan Islam bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman dan beramal soleh, pengukuran dari aspek emosi, sikap dan kemahiran juga perlu dititik beratkan selain dari pengukuran kognitif. Tujuan ini juga telah diterjemahkan dalam DSKP melalui pernyataan standard pembelajaran dan standard prestasi yang menetapkan kata kunci “*mengamalkan secara beradab dan istiqamah*” yang merujuk kepada komponen fokus Pendidikan Islam dalam DSKP iaitu amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Namun idea asal Taksonomi Bloom yang mengasingkan domain kognitif, afektif dan psikomotor ini agak bercanggah dengan matlamat pendidikan Islam yang mengukur hasil murid secara menyeluruh. Pandangan ini disokong oleh Jumartindah et.al (2020) yang mengenal pasti masalah implementasi Taksonomi Bloom dari aspek afektif dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu terdapat kesukaran untuk mengukur sesuatu yang bersifat ideal dan abstrak seperti khusyuk dalam solat, guru tidak mampu menyediakan instrumen yang tepat dan jurang antara guru dan murid terlalu jauh yang menyebabkan guru sukar mengukur pencapaian murid secara individu kerana bilangan yang ramai. Sedangkan pembentukan akhlak (afektif) menjadi wadah utama dalam Pendidikan Islam. Namun aras memberi maklum balas, mengorganisasikan nilai dan karakteristik dalam domain afektif dapat diguna pakai bagi mengukur tingkah laku murid walaupun tidak secara tepat.

Bagi domain psikomotor dalam Taksonomi Bloom ini mengukur kepada kemahiran fizikal melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan otot dan tubuh badan. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, terdapat objektif yang melibatkan kepada kemahiran fizikal seperti amali wuduk, solat dan mengerjakan fardu haji. Namun masalah yang sama seperti domain afektif, tiada kayu ukur yang tepat dalam memastikan aktiviti yang melibatkan amali ini diukur secara konsisten kerana guru-guru menjalankan ujian Penilaian Agama dan Fardu Ain (PAFA) ini secara berasingan mengikut peringkat sekolah tidak seperti pengukuran kognitif yang menjalankan ujian sumatif secara serentak menyeluruh satu negara melalui Sijil Pencapaian Malaysia (SPM). Justeru, penilaian amali ini bergantung kepada komitmen GPI untuk melaksanakan secara tepat dan berstruktur. Terdapat kajian yang melihat kepada pengaplikasian domain psikomotor yang digunakan dalam Pendidikan Islam iaitu kajian Ni'am. M. Athoun (2021) yang menjelaskan perlakuan yang tergolong dalam domain ini termasuk perlakuan ibadah rukun iman seperti solat, puasa dan haji, membaca dan menyalin al-Quran serta perlakuan yang diteladani daripada Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Sehubungan dengan itu, guru Pendidikan Islam seharusnya menyepadukan elemen ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pentabiatan dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Jadual 3 merujuk kepada perincian implementasi Taksonomi Bloom dalam DSKP Pendidikan Islam Tingkatan 1:

**Jadual 3: Contoh Implementasi Taksonomi Bloom dalam DSKP Pendidikan Islam  
Tingkatan 1**

| Bidang          | Standard Kandungan                                  | Standard Pembelajaran                                                                                                                                                                                                                                                        | Standard Prestasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Taksonomi Bloom                                                                                                                                                               |
|-----------------|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Al-Quran</b> | Ayat 1 hingga 5 Surah al-Baqarah (Bacaan & Hafazan) | Murid dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Membaca</b> ayat dengan betul &amp; bertajwid.</li> <li>• <b>Menghafaz</b> ayat dengan betul &amp; bertajwid.</li> <li>• <b>Mengamalkan</b> ayat dalam solat &amp; zikir dengan beradab &amp; istiqamah.</li> </ul> | 1. <b>Membaca &amp;</b> menghafaz ayat dengan bimbingan.<br>2. Membaca & <b>menghafaz</b> tanpa bimbingan.<br>3. <b>Mengamalkan</b> ayat dalam solat & zikir.<br>4. Mengamalkan ayat dalam solat & zikir dengan <b>beradab</b> .<br>5. Mengamalkan ayat dalam solat & zikir dengan <b>beradab &amp; istiqamah</b> .                                        | - <i>Mengingat (K)</i><br>- <i>Memahami (K)</i><br>- <i>Memberi maklum balas (A)</i><br>- <i>Mengorganisasi (A)</i><br>- <i>Karakteristik (A)</i>                             |
| <b>Hadis</b>    | Hadis sebagai sumber hukum.                         | Murid dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menyatakan</b> maksud hadis, sanad &amp; matan.</li> <li>• <b>Menjelaskan</b> peranan hadis sebagai sumber hukum.</li> <li>• <b>Menerangkan</b> perbandingan antara hadis dengan al-Quran.</li> </ul>               | 1. <b>Menyatakan</b> maksud, peranan dan perbandingan hadis.<br>2. <b>Menjelaskan</b> maksud, peranan dan perbandingan hadis.<br>3. <b>Mengamalkan</b> hadis sebagai sumber hukum dalam kehidupan.<br>4. Mengamalkan hadis sebagai sumber hukum dengan <b>beradab</b> .<br>5. Mengamalkan hadis sebagai sumber hukum dengan <b>beradab dan istiqamah</b> . | - <i>Mengingat (K)</i><br>- <i>Memahami(K)</i><br>- <i>Menganalisis (K)</i><br>- <i>Memberi Maklum balas (A)</i><br>- <i>Mengorganisasi (A)</i><br>- <i>Karakteristik (A)</i> |
| <b>Akidah</b>   | Islam agama fitrah                                  | Murid dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menyatakan</b> Islam sebagai agama fitrah.</li> <li>• <b>Menerangkan</b> hanya Islam agama yang</li> </ul>                                                                                                          | 1. <b>Menyatakan</b> maksud dan memberikan dalil naqli dan aqli bahawa Islam sebagai agama fitrah.<br>2. <b>Menjelaskan</b> Islam agama yang                                                                                                                                                                                                               | - <i>Mengingat (K)</i><br>- <i>Memahami (K)</i><br>- <i>Menganalisis (K)</i>                                                                                                  |

|                                  |                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                   |
|----------------------------------|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                  |                                                  | <p>benar dan sesuai dengan fitrah manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mengemukakan</b> dalil naqli dan aqli bahawa Islam agama fitrah.</li> <li>• <b>Menerangkan</b> ciri-ciri Islam agama fitrah.</li> <li>• <b>Meyakini dan mengamalkan</b> Islam dalam kehidupan harian secara beradab dan istiqamah.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                          | <p>benar dan sesuai dengan fitrah manusia.</p> <p>3. <b>Menerangkan</b> ciri-ciri Islam sebagai agama fitrah.</p> <p>4. <b>Meyakini</b> dan mengamalkan Islam sebagai agama yang benar dengan beradab.</p> <p>5. <b>Meyakini dan mengamalkan</b> Islam sebagai agama yang benar dengan <b>beradab dan istiqamah</b>.</p>                                                                                                                                                                                                                                                           | <p>-Mengorganisasi (A)</p> <p>-Karakteristik (A)</p>                                                                                              |
| <b>Fikah</b>                     | Konsep ibadah dan jenis-jenis hukum dalam Islam. | <p>Murid dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menyatakan</b> konsep ibadat dari aspek maksud ibadat, ibadat khusus dan ibadat umum</li> <li>• <b>Menjelaskan</b> maksud hukum-hukum berikut berserta contoh: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Wajib</li> <li>➢ Sunat</li> <li>➢ Harus</li> <li>➢ Makruh</li> <li>➢ Haram</li> </ul> </li> <li>• <b>Menghuraikan hubung kait</b> di antara hukum di atas dengan amalan murid berserta hikmah.</li> <li>• <b>Mengamalkan</b> tuntutan hukum Islam secara istiqamah.</li> <li>•</li> </ul> | <p>1. <b>Menyatakan</b> konsep ibadat dari aspek ibadat umum dan khusus, maksud hukum berserta contoh dan amalan harian murid.</p> <p>2. <b>Menjelaskan</b> konsep ibadat dari aspek ibadat umum dan khusus, maksud hukum berserta contoh dan amalan harian murid.</p> <p>3. <b>Menerangkan hubung kait</b> hukum dengan amalan harian berserta hikmah.</p> <p>4. <b>Mengamalkan</b> tuntutan hukum-hukum Islam.</p> <p>5. Mengamalkan tuntutan hukum-hukum Islam dengan <b>beradab</b>.</p> <p>6. Mengamalkan tuntutan hukum-hukum Islam dengan <b>beradab dan istiqamah</b>.</p> | <p>-Mengingat (K)</p> <p>-Memahami (K)</p> <p>-Mengaplikasi (K)</p> <p>-Menganalisis (K)</p> <p>-Mengorganisasi (A)</p> <p>-Karakteristik (A)</p> |
| <b>Sirah &amp; Tamadun Islam</b> | Riwayat hidup Nabi                               | <p>Murid dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Menyatakan</b> riwayat hidup</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <p>1. <b>Menyatakan</b> riwayat hidup Nabi Muhammad SAW, peristiwa penting dan</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <p>-Mengingat (K)</p> <p>-Memahami(K)</p>                                                                                                         |

|                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                           |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| Muhammad S.A.W | Nabi Muhammad SAW<br>• <b>Menjelaskan</b> peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW:<br>-Sebelum kerasulan<br>-Selepas kerasulan<br>• <b>Menghuraikan</b> iktibar daripada riwayat hidup, peristiwa penting dan akhlak Nabi Muhammad SAW.<br>• <b>Mencontohi</b> akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan.<br>• <b>Berselawat ke atas Nabi</b> Muhammad SAW secara beradab dan istiqamah. | iktibar daripada peristiwa tersebut.<br>2. <b>Menjelaskan</b> riwayat hidup Nabi Muhammad SAW, peristiwa penting dan iktibar daripada peristiwa tersebut.<br>3. <b>Menerangkan</b> akhlak Nabi Muhammad SAW dan iktibar daripada riwayat hidup dan peristiwa penting baginda.<br>4. <b>Mengamalkan</b> akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan harian dan berselawat ke atas baginda.<br>5. Mengamalkan akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan harian dan berselawat ke atas baginda dengan <b>beradab</b> .<br>6. Mengamalkan akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan harian dan berselawat ke atas baginda dengan <b>beradab dan istiqamah</b> . | -Mengaplikasi (K)<br>-Menganalisis (K)<br>- Mengorganisasi (A)<br>-Karakteristik(A)       |
| <b>Akhlak</b>  | Konsep Akhlak Islamiyah<br>Murid dapat:<br>• <b>Menyatakan</b> maksud akhlak.<br>• <b>Menjelaskan</b> maksud akhlak mahmudah dan contoh serta mengamalkannya .<br>• <b>Menghuraikan</b> implikasi tidak memelihara                                                                                                                                                                                  | 1. <b>Menyatakan</b> maksud akhlak, dan pembahagian akhlak serta implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan.<br>2. <b>Menjelaskan</b> maksud akhlak dan pembahagian akhlak serta implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | -Mengingat (K)<br>-Memahami (K)<br>-Mengaplikasi (K)<br>-Menganalisis (K)<br>-Menilai (K) |

|                                                                                            |                                                                                   |                     |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| akhlak dalam kehidupan.                                                                    | 3. <b>Menerangkan</b>                                                             | -Mengorganisasi (A) |
| • <b>Mengamalkan</b>                                                                       | tujuan memelihara akhlak serta implikasi tidak memelihara akhlak.                 | -Karakteristik (A)  |
| akhlak mahmudah dalam kehidupan dan menjauhi akhlak mazmumah secara beradab dan istiqamah. | 4. <b>Mengamalkan</b>                                                             |                     |
|                                                                                            | akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah.                                     |                     |
|                                                                                            | 5. Mengamalkan                                                                    |                     |
|                                                                                            | akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah secara <b>beradab.</b>               |                     |
|                                                                                            | 6. Mengamalkan                                                                    |                     |
|                                                                                            | akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah secara <b>beradab dan istiqamah.</b> |                     |

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Jadual ini adalah contoh bagaimana Taksonomi Bloom diimplementasikan dalam DSKP Pendidikan Islam iaitu dengan merujuk kepada standard pembelajaran dan standard prestasi bagi bidang al-Quran, hadis, akidah, fikah, sirah dan tamadun Islam serta akhlak Tingkatan 1.

### Implikasi Kajian

Hasrat dari penulisan artikel ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang komprehensif tentang reka bentuk kurikulum Pendidikan Islam melalui pengenalan kepada komponen yang terdapat dalam DSKP. Pendedahan berkaitan DSKP ini amat penting bagi GPI terutama guru novis yang perlu melaksanakan transformasi kurikulum selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Di samping itu juga, kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang perkaitan antara kurikulum dan pentaksiran yang perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam dengan merujuk kepada DSKP pada bahagian standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Penguasaan DSKP ini amat penting bagi memastikan guru mengajar mengikut landasan yang sepatutnya. Manakala GPI juga harus memastikan kesemua komponen dalam DSKP dapat dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, artikel ini juga dapat meningkatkan kefahaman GPI berkaitan Taksonomi Bloom iaitu satu konsep penyusunan hierarki aras pemikiran dan tingkah laku murid yang perlu dicapai dalam pembelajaran murid. Setelah GPI menguasai konsep yang disarankan dalam Taksonomi Bloom, GPI juga dapat mengetahui bagaimana mengimplementasikan Taksonomi Bloom ini dalam perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Selain itu juga, pemahaman kepada konsep Taksonomi Bloom ini dapat menyediakan GPI untuk lebih kreatif memilih strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan standard kandungan dengan mendorong kepada pemikiran aras tinggi murid. Secara tidak langsung,

salah satu matlamat transformasi kurikulum dalam meningkatkan keupayaan murid melalui pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi akan tercapai.

### Penutup

Berdasarkan hasil perbincangan, dapat dirumuskan bahawa kerangka kurikulum Pendidikan Islam telah dibangunkan bertepatan dengan hasrat FPK dan FPI yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani serta menjadi hamba dan khalifah Allah yang dapat membangunkan tamadun bangsa dan negara. Reka bentuk kerangka kurikulum ini telah menghasilkan satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran iaitu DSKP yang menjadi rujukan utama GPI dalam melaksanakan kurikulum. Setiap komponen yang terdapat dalam DSKP adalah bersandar kepada teori dan model pengajaran serta pembelajaran termasuk pemikiran Bloom iaitu Taksonomi Bloom. Idea penyusunan hierarki mengikut aras rendah kepada tinggi menjadi kayu ukur dalam penetapan standard pembelajaran dan standard prestasi dalam DSKP yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Namun dalam Pendidikan Islam, terdapat pro dan kons dalam melaksanakan Taksonomi Bloom ini kerana matlamat Pendidikan Islam adalah melahirkan insan yang syumul iaitu pengukuran pembelajaran tidak memisahkan aspek akal dan akhlak seperti mana pendekatan Taksonomi Bloom yang mengasingkan unsur kognitif, afektif dan psikomotor. Justeru, GPI harus menguasai kandungan komponen DSKP dan kreatif melaksanakan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan pelaksanaan transformasi kurikulum ini akan memberikan keuntungan kepada agama, bangsa dan negara kerana modal yang dilahirkan dapat menyumbang kepada ketamadunan umat Islam.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2022/ss107/UKM/01/1, yang membiayai Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

### Rujukan

- Anderson, L. W. and Krathwohl, D. R., et al (Eds.) (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Allyn & Bacon. Boston, MA (Pearson Education Group).
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *ASEAN People Journal vol 3* (1). 152-161.
- Arumugham, K. S. (2019). Merungkai Dan Merangkai Kurikulum Sebagai Proses Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran: Kajian Kes Guru Prinsip Perakaunan. *Seminar Darul Aman Peringkat Kebangsaan*. 22-23 Oktober 2019.
- Bloom, B.S. and Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals, by a committee of college and university examiners. Handbook I: Cognitive Domain*. NY, NY: Longmans, Green.
- Bryman, A. (2008). Of Methods and Methodology. *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, 3(2): 159-168.
- Hashim, R., Awang Mat, M. Z., Abd Rashid, A., Zubairi A. M. & Mohd Shahrin, M.F. (2022). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke 21 Dari Perspektif Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47 (1). 65-79.
- Jumartindah, Pramudita, A. F. & Nurkamariah. (2020). Implementasi Taksonomi Bloom Aspek Afektif Dalam Pembelajaran PAI di SMPN 1 DUA BOCCOE. *Al- Hikmah: Jurnal Studi Islam*, 1 (3). 154-165.

- Kartini, N.E, Nurdin E. S., Abdul hakam, K & Syihabuddin. (2022). Telaah Revisi Teori Domain Kognitif Taksonomi Bloom Dan Terkaitannya Dalam Kurikulum Pendidikan Agama Islam. *Jurnal BASICEDU Vol 6 (4)*. 7292-7302.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Pendidikan Islam. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya.
- Krathwohl, D. R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy. (PDF) in Theory into Practice. V 41. #4. Autumn, 2002. Ohio State University.
- Mohd Zaid, M. Z., Abd. Razak, R. & Ahmad Zabidi. (2021). Masalah Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah Menengah Dan Penyelesaian Pakar Pendidikan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Bil 9. Isu 3*. 28-33
- Ni'am, M. Athoun. (2021). Taksonomi Bloom dalam Perspektif Ilmu Pendidikan Islam. *Tesis. Pasca Sarjana*. UIN, Antasari.
- Ramdhan, T. W. (2019) Kurikulum Pendidikan Islam Multikultural. (Analisis Tujuan Taksonomi dan Kompetensi Peserta Didik). *Jurnal Piwulang, Vol. I No. 2*, 121-136
- Ramlie, H. A, Mohd Nor, N. M, Wan Mohammad, W. M.R. & Mokhtar, S. (2020). Analisis Kandungan Kemahiran Bahasa Melayu Dalam Kurikulum Pra Sekolah di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 11 (1)*, 46-67.
- Sulaiman, A. R. (2019). Persepsi Guru Pendidikan Islam Dalam Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sekolah Rendah. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (IJHTC) isu 7 (2)*. 13-19.